



Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3

Tarikh : 10 Mac 2025

SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 7/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PINDAAN PROSES PENILAIAN PEROLEHAN DI DALAM SISTEM eP@UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat pindaan dalam tatacara perolehan UKM seperti berikut:
 - i. Pembubaran Jawatankuasa Penyelarasan PTj
 - ii. Pelantikan Keahlian Jawatankuasa berikut hendaklah dilantik oleh Ketua PTj:
 - a) Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi
 - b) Jawatankuasa Penilaian Teknikal
 - c) Jawatankuasa Penilaian Kewangan
 - d) Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat
 - e) Jawatankuasa Penilaian Kerja

Cadangan penamaan keahlian hendaklah dibuat oleh urus setia Perolehan di PTj/ Ketua Projek berdasarkan kepada UKM-SPKPPP-PP03-GP07 Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Tawaran bagi sebut harga dan Tender (Bekalan dan Perkhidmatan) untuk kelulusan Ketua PTj.

- iii. Penambahbaikan sistem eP@UKM pada submodul seperti berikut;
 - i. Jawatankuasa Penilaian Teknikal
 - ii. Jawatankuasa Penilaian Kewangan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4440 Faks: +603-8921 3058 E-mel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

3. Sehubungan itu, borang **UKM-SPKPPP-PP03-GP07-BO01 Borang Lantikan Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Sebut Harga/ Tender** rujuk **Lampiran 1** dipinda mengikut keperluan pekeliling ini dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 10/2024 Pindaan Keahlian Jawatankuasa Penyelarasan Pusat Tanggungjawab (PTj), Jawatankuasa Penilaian Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Satu (1) Peringkat Bagi Perolehan Yang Melebihi RM500 Ribu adalah **dibatalkan**.

4. Selain itu, sebarang perolehan yang belum selesai penilaian oleh Jawatankuasa Penyelarasan PTj tidak perlu dibuat penilaian dan dikemukakan terus kepada Urusetia Perolehan, Jabatan Bendahari/ Jabatan Kewangan HCTM/ HPKK.

5. Surat Edaran ini akan berkuat kuasa mengikut ia dikeluarkan dan dilaksanakan selari dengan Surat Edaran Bendahari Bil. 6/2025 Pelaksanaan Kaedah Penilaian Dua (2) Peringkat bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan (Sebut Harga dan Tender) bertarikh 14 Februari 2025. Pemakaian peraturan ini adalah tertakluk kepada semua Pusat Tanggungjawab di UKM, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Hospital Tunku Ampuan Besar Tunku Aishah Rohani (HPKK) dan entiti di bawah UKM.

6. Sukacita kiranya pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil perhatian dan menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan kakitangan seliaan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari di talian 5033/ 3553/ 3131/ 4480/ 5030 atau emelkan kepada bahagianperolehan@ukm.edu.my.

Kerjasama dan keprihatinan pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai

Sekian, terima kasih.

“Kekal Berintegriti”

Yang benar,

MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4440 Faks: +603-8921 3058 E-mel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4440 Faks: +603-8921 3058 E-mel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my